

Quad selaras pelan pantau maritim diancam China

84 20/5/2022 ms : 42

Empat negara bergabung jaga kepentingan Laut China Selatan

Tokyo: Pemimpin Quad melancarkan Pelan Pemantauan Maritim yang disifatkan sebagai langkah paling berkesan bagi membendung pencerobohan China di Laut China Selatan.

Quad selaku gabungan tidak rasmi membabitkan Jepun, Amerika Syarikat (AS), India dan Australia, mengemukakan cadangan itu untuk menjaga kepentingan di Laut China Selatan tetapi tidak memberikan butiran mengenai usaha itu.

Perkongsian Indo-Pasifik untuk Kesedaran Maritim (IPMDA) itu akan membantu Kepulauan Pasifik, negara Asia Tenggara dan Lautan Hindi memantau penangkapan ikan secara haram dan kegiatan haram lain di perairan mereka.

Walaupun Quad tidak menyebut nama China secara khusus, insiatif itu bertujuan menangani



Tentera laut China 'pamer kekuatan' ketika latihan di Laut China Selatan.
(Foto AFP)

aduan negara serantau mengenai penangkapan ikan tanpa kebenaran oleh bot China di zon ekonomi eksklusif (EEZ) selain penceraohan kapal China di perairan yang dipertikaikan.

Seorang pegawai AS yang diperak di akhbar *Financial Times Britain*, berkata Quad merancang membiayai perkhidmatan penjejakan satelit komersial untuk menyediakan risikan maritim kepada negara Indo-Pasifik secara percuma.

Quad juga akan memantau frekuensi radio dan isyarat radar serta membantu negara menjelajahi bot haram walaupun mereka

cuba mengelak dikesan dengan mematikan Sistem Maklumat Automatik (AIS).

Perisikan itu kemudian akan dikongsi merentasi rangkaian pusat pengawasan serantau sedia ada yang berpangkalan di India, Singapura, Vanuatu dan Kepulauan Solomon.

Kapal China dituduh menangkap ikan tanpa lesen sebanyak 237 kali antara 2015 hingga 2019.

Beberapa bot China juga ditanah kerana menangkap ikan secara haram di Vanuatu, Palau, Malaysia dan Korea Selatan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

AGENSI